



Headline: Rugi RM44,400 lepas buat pinjaman di laman sesawang bank palsu Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)

Date: 17 April 2020

Section: Nasional

Page: 13

## Rugi RM44,400 lepas buat pinjaman di laman sesawang bank palsu

**KUANTAN:**Seorangpekerja pelantar minyak mendakwa kerugian RM44,400 selepas mengisi borang permohonan pinjaman secara dalam talian di laman sesawang sebuah bank yang disyaki palsu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Supt Mohd Wazir Mohd Yusof berkata mangsa yang berusia 20 tahun mendakwa

melayari laman web itu sekitar bulan Mac lepas, dan mengisi maklumat peribadinya kerana mahu meminjam wang sebanyak RM10,000.

“Mangsa mendakwa menerima pesanan WhatsApp daripada seorang suspek wanita yang memperkenalkan diri sebagai kakitangan bank itu pada 1 April lepas yang mahu

membuat semakan sebelum permohonan pinjaman dapat diteruskan.

“Suspek dikatakan meminta mangsa membuat bayaran RM2,200 ke sebuah akaun bank yang didaftarkan atas nama syarikat kononnya sebagai bayaran pendahuluan dan kos membuka akaun pinjaman,” katanya kepada pemberita

di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata, mangsa mendakwa terus diminta membuat pelbagai bayaran lain yang perlu dilakukan menerusi transaksi pemindahan wang ke dalam sebuah lagi akaun syarikat yang diberikan suspek, dengan transaksi terakhir dibuat pada Isnin lepas. — Bernama